

Sumbangan al-Nadwi Terhadap Perkembangan Sastera Islam

BITARAVolume 3, Issue 3, 2020: 111-130
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[al-Nadwi's Contribution to The Development of Islamic Literature]

Mohd Shahrizal Nasir¹ & Kamarul Shukri Mat Teh²

Abstrak

Wacana berkenaan Sastera Islam telah bermula sejak kehadiran Islam dan ia terus berkembang sehingga era kesusasteraan moden masa kini. Sastera Islam dilihat sebagai satu gagasan yang dapat memastikan karya sastera mahupun sebarang idea mengenai sastera sejajar dengan ajaran Islam. Justeru, para sarjana bidang kesusasteraan khususnya yang menyedari kepentingan Sastera Islam telah melakukan usaha-usaha memperkasakan gagasan tersebut dan antara yang terlibat ialah al-Nadwi. Makalah ini bertujuan mengupas sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan Sastera Islam. Sumbangan al-Nadwi yang dimaksudkan merujuk kepada usaha yang dilakukannya sama ada secara peribadi mahupun secara kolektif menerusi Liga Sastera Islam Sedunia (*Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah*). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks melibatkan bahan-bahan penulisan merangkumi sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati usaha al-Nadwi menghasilkan karya sastera khususnya melibatkan genre sastera kanak-kanak (*adab al-atfal*), sastera kembara (*adab al-rihlat*) dan autobiografi (*al-sirah al-zatiyah*) sebagai sumbangan besar al-Nadwi terhadap perkembangan Sastera Islam. Selain usaha beliau secara personal itu, penglibatan aktif al-Nadwi bersama para sarjana lain secara kolektif sejak sebelum penubuhan Liga Sastera Islam Sedunia sehingga kewafatannya dilihat sebagai sumbangan beliau yang terbesar dalam perkembangan gagasan Sastera Islam.

Kata kunci:

al-Nadwi, Sastera Islam, kesusasteraan, pemikiran sastera, karya sastera

Abstract

Discourse on Islamic Literature has been present ever since the advent of Islam and has continued to flourish until this current the era of modern literature. Islamic Literature is seen as an idea that can ensure that literary works or any ideas of literature are in line with Islamic teachings. Thus, scholars in the field of literature, especially those who aware of the importance of Islamic Literature make efforts to strengthen the idea and among those is al-Nadwi. This paper aims to examine al-Nadwi's contribution to the development of Islamic Literature. The contribution of al-Nadwi refers to his efforts either personally or collectively in the International League of Islamic Literature. This study uses text analysis methods involving several materials including primary and secondary sources. The findings demonstrate that most al-Nadwi's efforts when producing literary works such as on children's literary genres (*adab al-atfal*), travel literature (*adab al-rihlat*) and autobiography (*al-sirah al-zatiyah*)

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

KAMARUL SHUKRI MAT TEH, Pusat Pengajian Pendidikan, Bahasa Arab dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: kamarul@unisza.edu.my

has become his major contribution to the development of Islamic Literature. In addition to his personal efforts, al-Nadwi's active involvement and collective work with other scholars before the establishment of the International League of Islamic Literature until his last breath are seen as the biggest contribution to the development of Islamic Literature.

Keywords:

al-Nadwi, Islamic Literature, literature, literary thought, literary works

Cite This Article:

Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. 2020. Sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan sastera Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 111-130.

Pengenalan

Al-Nadwi merupakan seorang tokoh yang dikenali dalam dunia Islam. Ketokohan al-Nadwi dilihat secara jelas dalam usaha dakwahnya yang bukan sahaja berlegar sekitar tempat kelahirannya di India, malah merentasi sempadan benua. Penerimaan masyarakat Islam dunia terhadap usaha dakwah al-Nadwi dapat dilihat menerusi perjalanan dakwahnya ke serata pelosok dunia. Ramai sarjana mengakui ketokohan al-Nadwi dan antara mereka ialah al-Qaradawi yang telah menghasilkan sebuah buku berjudul "Al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi kama 'Araftuh" (Al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi Sepertimana yang Kukenalinya). Al-Qaradawi (2001: 10-13) menyifatkan al-Nadwi sebagai seorang insan yang memiliki lima ciri istimewa iaitu *rabbani*, *islami*, *qur'ani*, *muhammadi* dan *'alami*.

Kelima-lima ciri ini diperincikan oleh al-Qaradawi dengan mengatakan bahawa *rabbani* merujuk kepada diri al-Nadwi yang mengetahui ilmu, mengamalkan ilmu yang diketahuinya dan menyebarkan ilmu kepada orang lain. Ciri *islami* pula merujuk kepada al-Nadwi yang hidup berdasarkan syariat Islam dan melakukan setiap tindakan kerana Islam dan untuk Islam. Manakala *Qur'ani* merujuk kepada al-Nadwi yang berpegang kepada manhaj al-Quran dengan menjadikan kitab suci tersebut sebagai panduan utamanya. Selain itu, ciri *muhammadi* merujuk kepada pegangan al-Nadwi yang menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai ikutan dalam kehidupannya. Manakala ciri terakhir iaitu *'alami* merujuk kepada diri al-Nadwi yang meskipun lahir, membesar dan belajar di tempatnya sendiri iaitu India, namun setiap usaha yang dilakukan dalam kehidupannya untuk kebaikan manusia sejagat.

Huraian yang dinyatakan oleh al-Qaradawi tentang al-Nadwi memberi gambaran tentang keperibadiannya yang amat istimewa. Berdasarkan huraian yang dijelaskan oleh al-Qaradawi itu, dapat difahami bahawa sebenarnya al-Nadwi bukan sahaja terlibat dalam bidang dakwah semata-mata. Sebenarnya beliau menjadikan dakwah sebagai wasilah untuknya menyebarkan ajaran Islam. Dengan kata lain, al-Nadwi telah berusaha mengupas kandungan ajaran Islam meliputi pelbagai bidang keilmuan.

Berdasarkan fakta bahawa al-Nadwi telah berusaha menyampaikan ilmu Islam dalam pelbagai disiplin ilmu, maka tidak wajar ketokohan beliau hanya difokuskan kepada bidang tertentu sahaja. Antara bidang yang kurang diserlahkan khususnya dalam kajian-kajian di Malaysia melibatkan ketokohan al-Nadwi ialah bidang kesusasteraan. Walhal al-Nadwi memainkan peranan yang besar dalam pemerkasaan Sastera Islam di peringkat global. Dalam konteks kajian yang diusahakan di Malaysia, dapat diperhatikan tidak banyak kajian berkaitan

al-Nadwi yang menghuraikan secara spesifik dan tuntas tentang ketokohan al-Nadwi dalam bidang kesusasteraan. Sebagai contoh dalam terbitan Jurnal Usuluddin (Bil. 11, Julai 2000) yang mengumpulkan sembilan makalah berkaitan al-Nadwi, tiada satu makalah pun yang secara spesifik menghuraikan ketokohan al-Nadwi dalam bidang kesusasteraan. Hanya Siddiq Fadzil (2000) yang menyebut bahawa Sastera Islam termasuk antara tema besar pemikiran al-Nadwi. Begitu juga buku-buku berkaitan al-Nadwi yang ditulis oleh Ahmad Fahmi (2000b), Zulkifli Mohamad (2015) dan Mohd Rumaizuddin (2016) yang dilihat tidak menyentuh secara spesifik tentang sumbangan al-Nadwi terhadap bidang kesusasteraan melainkan beberapa ulasan berkaitan hasil karya al-Nadwi yang dikaitkan dengan sastera serta penjelasan Ahmad Fahmi (2000b) tentang peranan al-Nadwi dalam mengasaskan Liga Sastera Islam Sedunia (*Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah*).

Justeru, makalah ini berusaha untuk menyerlahkan ketokohan al-Nadwi khususnya dalam bidang kesusasteraan. Bidang ini pula difokuskan kepada Sastera Islam yang sememangnya amat signifikan dengan perjuangan al-Nadwi menyebarkan ilmu berteraskan Islam. Makalah ini akan menghuraikan sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan Sastera Islam yang akan dibahagikan kepada dua iaitu melibatkan usahanya secara persendirian dan juga secara kolektif bersama para sarjana Islam lain menerusi *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah*. Sebelum memberi fokus terhadap sumbangan al-Nadwi dalam perkembangan Sastera Islam, makalah akan menghuraikan latar belakang ringkas al-Nadwi terutama yang mempunyai perkaitan dengan kesusasteraan, serta huraian tentang Sastera Islam yang pernah menjadi fenomena baharu dan dibincangkan di peringkat global.

Al-Nadwi dan Kesusasteraan

Abu al-Hasan 'Ali bin 'Abd al-Hayy al-Hasani al-Nadwi merupakan seorang insan yang dilahirkan di sebuah perkampungan bernama Takia Kalan, Raebareli iaitu sebuah daerah dalam negeri Uttar Pradesh, India (Ahmad Fahmi, 2000b: 19; Mohammad Akram, 2013: 15; Syed Muhammad Rabey, 2014: 11; Zulkifli, 2015: 1). Walau bagaimanapun, terdapat percanggahan pandangan dalam kalangan pengkaji berkenaan tahun kelahiran al-Nadwi. Abdul Kader (2012) dan Sayed Muhammad Rabey (2014) menyatakan bahawa al-Nadwi lahir pada tahun 1913 manakala catatan lain yang dinyatakan oleh Ahmad Fahmi (2000b), al-Azhari (2000), al-Washmi (2005), al-Ghawri (2009), Mohammad Akram (2013) dan Shafiq (2015) menukulkan al-Nadwi lahir pada tahun 1914. Pandangan kedua dilihat lebih tepat dengan melihat kepada pernyataan oleh sejumlah besar pengkaji termasuk oleh al-Ghawri yang telah menangani banyak karya al-Nadwi.

Al-Nadwi dilahirkan dalam sebuah keluarga yang memiliki latar belakang ilmu yang cukup hebat. Bapa al-Nadwi iaitu 'Abd al-Hayy al-Hasani bin Fakhr al-Din bin 'Abd al-'Ali al-Hasani adalah seorang tokoh hadis dan sejarah yang terkenal di India, selain juga merupakan seorang ahli fizik (Mohammad Akram, 2013: 10). Kewibawaannya menghasilkan ensiklopedia lapan jilid yang memuatkan 5000 tokoh pelbagai bidang di India menjadi bukti kehebatannya dalam bidang keilmuan dan penulisan selain pernah menjadi rektor kedua Nadwatul 'Ulama (Ahmad Fahmi, 2000b: 18-19; Abdul Kader, 2011: 2-3; Mohammad Akram, 2013: 10). Manakala ibu al-Nadwi bernama Khayr al-Nisa' bint Diya' al-Nabi bin Sa'id al-Din al-Hasani

merupakan seorang wanita yang amat berpegang kepada ilmu agama serta menghafaz al-Quran (Mohammad Akram, 2013: 11). Didikan agama ibu al-Nadwi kepadanya diperakui sendiri tatkala mengisahkan pesanan ibunya agar beliau sentiasa memulakan aktiviti penulisan dengan *basmalah* dan doa yang kemudian menjadi amalannya (al-Nadwi, 1987: 75). Meskipun ia hanya satu pesanan yang ringkas, namun cukup memberi kesan dalam pembentukan sahsiah diri al-Nadwi.

Selain mendapat didikan langsung daripada ibunya, al-Nadwi turut menerima didikan daripada abangnya iaitu ‘Abd al-‘Ali bin ‘Abd al-Hayy al-Hasani (al-Washmi, 2005: 31; Abdul Kader, 2012: 28). Hal ini berlaku selepas kematian ayahnya ketika usia al-Nadwi baru mencecah sembilan tahun. Malah menurut al-Washmi (2005: 31), ‘Abd al-‘Ali dianggap sebagai orang kedua yang bertanggungjawab menjaga al-Nadwi selain daripada ibu mereka. Antara perkara penting yang ditekankan oleh ‘Abd al-‘Ali ialah saranannya kepada al-Nadwi agar tidak mengamati buku jenis novel dan teater sebaliknya beliau menyarankan agar al-Nadwi membaca dua buah buku berkaitan Rasulullah s.a.w. berjudul “Sirah Khayr al-Bashar” dan “Rahmah li al-‘Alamin” (al-Washmi, 2005: 31). Selain itu, ‘Abd al-‘Ali meminta al-Nadwi agar berhenti mendalami bahasa Parsi, sebaliknya berusaha menguasai bahasa Arab (al-Washmi, 2005: 31). Didikan yang diberikan oleh ‘Abd al-‘Ali kepada adiknya menggambarkan pegangannya yang kuat terhadap pendidikan Islam meskipun beliau merupakan seorang doktor perubatan lepasan Universiti Lucknow (Mohammad Akram, 2013: 12; Zulkifli, 2015: 2). Meskipun berkecimpung dalam bidang perubatan, ‘Abd al-‘Ali menerima pendidikan agama sehingga beliau dikenali sebagai antara pelajar pintar yang menguasai fiqah dan usul fiqah selain bahasa dan kesusasteraan Arab (Ahmad Fahmi, 2000b: 19; Mohammad Akram, 2013: 12). Ketokohan ‘Abd al-‘Ali akhirnya melayakkan dirinya menjadi rektor ketiga di Nadwatul Ulama setelah pemergian ayahnya, sebelum jawatan itu kemudiannya disandang pula oleh al-Nadwi (Ahmad Fahmi, 2000b: 57).

Secara jelas dapat difahami bahawa didikan agama yang diterima oleh al-Nadwi dalam keluarganya iaitu daripada ibu dan abangnya telah memberi kesan positif dalam pembentukan keperibadiannya. Hal ini dikuatkan lagi dengan jalur keturunan al-Nadwi yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa al-Nadwi dan keluarganya mengabadikan gelaran “al-Hasani” pada nama mereka. Al-Tantawi (1987: 10) menyatakan bahawa meskipun al-Nadwi dilahirkan di India, namun beliau merupakan insan berketurunan Arab dengan pembuktian daripada salasilah keturunannya. Mohammad Akram (2013: 7) menyenaraikan salasilah keturunan al-Nadwi menerusi jalur ayah dan ibunya yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. melalui cucu Baginda s.a.w. bernama al-Hasan bin ‘Ali, iaitu anak kepada Fatimah bint Muhammad Rasulullah s.a.w. Perkara ini bukan sekadar membuktikan perkaitan rapat al-Nadwi dengan budaya dan bahasa Arab, malah ia turut menjelaskan sebab pendiriannya yang banyak berusaha mencari penyelesaian terhadap isu yang berlegar dalam kehidupan masyarakat Arab terutama apabila kelompok ini dikaitkan dengan Islam. Selain itu, kehebatan al-Nadwi dalam mengarang buku-bukunya dengan laras bahasa Arab yang amat baik turut dilihat mempunyai perkaitan dengan jati diri keturunannya.

Selain didikan dari rumah, nama al-Nadwi juga sinonim dengan institusi Nadwatul ‘Ulama. Meskipun pada kebiasaannya nama gelaran dikaitkan dengan keluarga, namun gelaran “al-Nadwi” yang digunakannya mempunyai perkaitan langsung dengan institusi ilmu. Nadwatul ‘Ulama ialah sebuah institusi tempat al-Nadwi menimba ilmu pengetahuan dan

kemudiannya menjadi pengajar di institusi tersebut pada tahun 1934 ketika berusia 20 tahun (al-Qaradawi, 2001: 47; al-Washmi, 2005: 35). Menurut al-Tantawi (1987: 11) dalam prakata buku al-Nadwi berjudul “*Fi Masirah al-Hayah*” menyatakan sangkaan awalnya tentang gelaran “al-Nadwi” yang hanya berkaitan dengan keluarga, sebaliknya ia adalah nama yang mengaitkan al-Nadwi dengan ilmu dan adab. Hal ini membuktikan kecintaan mendalam al-Nadwi terhadap Nadwatul ‘Ulama sehingga ingin dirinya sentiasa dikaitkan dengan institusi tersebut yang banyak berjasa dalam perjalanan kehidupannya.

Kecintaan al-Nadwi terhadap ilmu tidak sekadar dikaitkan dengan namanya, namun lebih daripada itu, ia dijelaskan menerusi usahanya mendalami ilmu khususnya berkaitan bahasa dan kesusasteraan Arab. Usaha gigihnya mendapatkan ilmu antara lain dengan mendampingi ilmuwan bernama al-Shaykh Khalil bin Muhammad al-Yamani bermula tahun 1924 (al-Ghawri, 1426H: 156). Kitab-kitab bahasa dan kesusasteraan Arab seperti *Kalilah wa Dimnah*, *Nahj al-Balaghah*, *Maqamat al-Hariri*, *Dala’il al-I’jaz*, dan *al-Qasa’id al-‘Ashr* menjadi bahan utama pembelajarannya (al-Washmi, 2005: 31). Usaha ini akhirnya menjadikan al-Nadwi seorang yang mahir dalam bahasa Arab dan mampu bertutur dalam bahasa tersebut dengan fasih ketika berusia 12 tahun (Ahmad Fahmi, 2000b: 21).

Kelebihan yang dimiliki oleh al-Nadwi dalam berbahasa Arab telah mempengaruhi dirinya untuk meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi iaitu di Universiti Lucknow pada tahun 1927 dalam bidang Sastera Arab (al-Washmi, 2005: 32). Tidak dapat dinafikan bahawa semua kejayaan ini bertitik-tolak daripada usahanya menimba ilmu daripada dalam keluarganya dan ketika menjadi murid kepada al-Shaykh Khalil bin Muhammad al-Yamani. Peranan dan sumbangan besar al-Shaykh Khalil dalam mendidik al-Nadwi sehingga beliau memiliki kebolehan berbahasa Arab yang baik diakui oleh al-Nadwi sendiri. Hal ini secara langsung membuktikan bahawa selain jati diri keturunan dan keluarga yang mementingkan penguasaan bahasa Arab, faktor kewibawaan guru turut mempengaruhi tahap penguasaan ilmu al-Nadwi.

Pembentukan diri seorang ilmuwan merupakan antara lain hasil daripada sumbangan barisan guru yang mendidiknya. Realiti ini dibuktikan menerusi catatan sejarah kehidupan al-Nadwi yang merakamkan penglibatan sejumlah senarai guru yang dilaziminya untuk mendapatkan ilmu. Al-Nadwi bukan sahaja berguru dengan al-Shaykh Khalil, sebaliknya beliau turut berguru dengan beberapa ulama terkenal pada zamannya. Ahmad Fahmi (2000b: 21-24) dan Zulkifli (2015: 4-5) menyenaraikan golongan ulama besar yang dilazimi oleh al-Nadwi ketika usia mudanya untuk mendapatkan ilmu seperti al-Shaykh Muhammad Talhah al-Hasani dan al-Shaykh Muhammad Taqi al-Din al-Hilali dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Arab. Al-Nadwi turut menimba ilmu daripada al-Shaykh ‘Abd al-Hayy al-Faruqi dan al-Shaykh Ahmad ‘Ali al-Lahuri dalam bidang tafsir. Manakala al-Shaykh Haydar Hasan Khan al-Tunki dan al-Shaykh Husayn Ahmad al-Madani ialah guru al-Nadwi dalam bidang hadis, selain al-Shaykh ‘Abd al-Qadir al-Rayfuri dalam bidang tasawuf. Hal ini turut membuktikan ketekunan al-Nadwi dalam menuntut ilmu agama yang akhirnya menjadikan dirinya seorang ilmuwan hebat dengan ilmu mencakupi pelbagai bidang.

Hasil didikan para guru yang hebat telah menjadi antara faktor penting dalam pembentukan sahsiah al-Nadwi sebagai ilmuwan yang ulung. Bukti kejayaan pembentukan sahsiah al-Nadwi dapat dilihat daripada usahanya dalam bidang keilmuan. Penghasilan sejumlah besar karya al-Nadwi mencakupi pelbagai ilmu agama merupakan antara bukti jelas

yang menggambarkan keilmuan yang dimilikinya. Mohamad Baderudin (2000: 94-99) dan Ahmad Fahmi (2000b: 111-122) sepakat menyatakan bahawa meskipun terlalu banyak karya yang dihasilkan oleh al-Nadwi, namun antara sepuluh karya al-Nadwi yang boleh dikatakan merangkumi mauduk perhatiannya ialah karya bertajuk *Madha Khasira al-'Alam bi Inhitat al-Muslimin, Rijal al-Fikr wa al-Da'wah fi al-Islam, al-Arkan al-Arba'ah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah, al-Sira' bayn al-Fikrah al-Islamiyah wa al-Fikrah al-Gharbiyah, al-Sirah al-Nabawiyah, Rawa'i' Iqbal, al-Tarbiyah al-Islamiyah al-Hurrah, al-'Aqidah wa al-'Ibadah wa al-Suluk, Rabbaniyah la Rahbaniyah*, dan *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal*. Kesemua sepuluh karya al-Nadwi ini sudah cukup untuk membuktikan tahap keilmuan dirinya yang tinggi. Meskipun menurut Mohd Rumaizuddin (2016: 103) kebanyakan karya al-Nadwi menjurus kepada bidang dakwah, namun beliau dengan jelas turut menyatakan bahawa buku-buku al-Nadwi menyentuh pelbagai bidang keilmuan. Kepelbagaian ini mencakupi cabang ilmu akidah, ibadah, akhlak serta juga bahasa dan kesusasteraan.

Selain gugusan karya al-Nadwi yang banyak, pengiktirafan yang diberikan kepadanya meliputi jawatan yang dilantik untuknya juga membuktikan ketokohan diri al-Nadwi. Ia dilihat sebagai satu pengiktirafan terhadap kelayakan dan ketokohan al-Nadwi bagi mengepalai sesebuah institusi. Al-Nadwi bukan sahaja diberi tanggungjawab untuk menjadi rektor keempat bagi Nadwatul 'Ulama iaitu bermula dari tahun 1961 sehingga beliau meninggal dunia (Ahmad Fahmi, 2000b: 57), malah beliau juga diberi tanggungjawab besar menerajui institusi keilmuan di peringkat global. Antara jawatan tertinggi yang disandang al-Nadwi ialah sebagai pengerusi pertama *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah*.

Pelantikan al-Nadwi sebagai pengerusi pertama *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* merupakan satu penghormatan besar kepada al-Nadwi yang telah berusaha mencetuskan gagasan Sastera Islam ketika persidangan pertama mengenainya diadakan di Nadwatul 'Ulama sekitar tahun 1981 ('Abd al-Basit, 1421H: 38). Rentetan daripada persidangan tersebut, beberapa siri persidangan telah diadakan bagi membuat perbincangan lanjut mengenai gagasan Sastera Islam dan penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah*. Akhirnya pada Januari 1986, secara rasmi al-Nadwi dilantik sebagai pengerusi pertama sekaligus sebagai pengerusi pengasas kepada *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* (Mohammad Akram, 2013: 258-259).

Ketokohan al-Nadwi diiktiraf dengan pelbagai anugerah yang diterima sepanjang kehidupannya. Al-Nadwi antaranya telah menerima "Anugerah al-Malik Faisal" dari Arab Saudi pada tahun 1980 dan "Anugerah Keperibadian Muslim Unggul" pada tahun 1998 dari Emiriah Arab Bersatu (Ahmad Fahmi, 2000a: 90-91; al-Azhari, 2000: 196). Selain itu, al-Nadwi menerima "Anugerah Antarabangsa Sultan Hasanal Bolkihah" pada tahun 1998 dan dalam bidang akademik pula al-Nadwi pernah menerima Ijazah Doktor Kehormat dalam persuratan atau kesusasteraan dari Universiti Kashmir pada tahun 1981 (al-Washmi, 2005: 44; Mohammad Akram, 2013: 262-263). Perkara yang menarik untuk menjelaskan keperibadian mulia al-Nadwi ialah apabila kesemua wang tunai yang diterimanya daripada anugerah-anugerah tersebut langsung tidak diambilnya. Menurut al-Qaradawi (2001: 62-63), kesemua wang tersebut disalurkan kepada golongan yang memerlukan sama ada di India atau di tempat al-Nadwi menerima anugerah tersebut.

Sifat terpuji yang dimiliki oleh al-Nadwi sewajarnya menjadi ikutan masyarakat Islam seluruh dunia. Kehidupan al-Nadwi yang sederhana tidak membuatkan hadiah daripada

penganugerahan yang diterima sebagai habuan hasil daripada sumbangannya terhadap perkembangan Islam. Justeru, keperibadian al-Nadwi telah diungkapkan oleh ramai sarjana Islam yang hidup pada zamannya seperti mana yang dinyatakan oleh Ahmad Fahmi (2000b: 133-134), al-Qaradawi (2001, 201-205) dan al-Washmi (2005: 45-48).

Pemergian al-Nadwi meninggalkan dunia buat selama-lamanya ditakdirkan oleh Allah s.w.t. pada hari Jumaat bersamaan 31 Disember 1999 (Mohammad Akram, 2013: 272). Al-Nadwi meninggal dunia dalam usia 86 tahun tatkala sudah bersiap untuk menunaikan solat fardu Jumaat. Seperti mana kelaziman yang dilakukan oleh al-Nadwi, beliau sempat membaca surah Yasin berdasarkan hafalannya, sementara menunggu diambulkan al-Quran untuk membaca surah al-Kahf. Begitulah amalan yang menjadi rutin al-Nadwi setiap kali hari Jumaat dan terus menjadi amalannya sehingga pada saat akhir kehidupan.

Sejarah kehidupan al-Nadwi dapat memberi gambaran tentang faktor-faktor yang menyumbang ke arah pembinaan keperibadiannya yang hebat. Kehidupannya yang sentiasa dipenuhi dengan aktiviti ilmu mempengaruhi pendiriannya yang sentiasa memberi keutamaan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pendidikan termasuk menerusi bidang kesusasteraan. Oleh itu, makalah ini akan memberi fokus terhadap sumbangan al-Nadwi dalam perkembangan kesusasteraan khususnya menerusi gagasan Sastera Islam yang diperjuangkannya.

Sorotan Awal Gagasan Sastera Islam

Kemunculan Sastera Islam sebenarnya bermula sejak penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah s.a.w. Masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam sememangnya terkenal dengan kehebatan mereka dalam kesusasteraan sama ada melibatkan seni puisi mahupun prosa. Menurut Shawqi (2007: 7), penggunaan perkataan *al-adab* yang sekarang difahami dengan makna “sastera” telah diguna dan difahami dalam kalangan penyair Arab zaman Jahiliah. Justeru, masyarakat Arab zaman tersebut sememangnya dikenali sebagai kelompok masyarakat yang memiliki kesusasteraan tersendiri. Antara bukti jelas yang menunjukkan kehebatan masyarakat Arab zaman Jahiliah dalam kesusasteraan ialah munculnya puisi *al-Mu‘allaqat* yang menjadi mauduk perbahasan utama berkaitan kesusasteraan Zaman Jahiliah. *Al-Mu‘allaqat* merupakan gugusan puisi yang dipilih oleh masyarakat Arab ketika itu sebagai puisi terbaik. Menurut al-Shanti (2005: 80), *al-Mu‘allaqat* dikenali sebagai khazanah kesenian yang paling indah pada Zaman Jahiliah sehingga ia tersebar dengan meluas serta diwarisi daripada satu generasi kepada generasi lain. ‘Abd al-Mun‘im (t.th.: 49) turut menyatakan kesenian *al-Mu‘allaqat* menjadi antara tanda kehebatan kesusasteraan klasik Arab sehingga ia mendapat perhatian bukan sahaja oleh pengkaji Arab tetapi juga para Orientalis Barat.

Oleh itu, penurunan al-Quran kepada Rasulullah s.a.w. dilihat sebagai satu bentuk cabaran kepada masyarakat Arab ketika itu. Meskipun mereka amat hebat dalam kesenian puisi, namun ia tidak akan sama sekali dapat menandingi kehebatan al-Quran yang datang daripada Allah s.w.t. Kehebatan manusia yang diciptakan oleh Allah s.w.t. tidak akan sama sekali dapat menandingi Pencipta mereka semua. Allah s.w.t. membuat pelbagai cabaran kepada masyarakat Arab agar menghasilkan “karya” yang dapat menandingi kehebatan al-Quran. Allah s.w.t. mencabar mereka menghasilkan karya yang dapat menandingi sebuah al-

Quran (surah al-Isra', 17: 88), atau mencipta sepuluh surah seperti mana yang terdapat dalam al-Quran (surah Hud, 11: 13), atau mencipta satu surah sahaja yang dapat menandingi surah dalam al-Quran (surah al-Baqarah, 2: 23-24). Walau bagaimanapun, masyarakat Arab Jahiliyah tidak dapat menyahut satu pun daripada cabaran tersebut meskipun sekian lama diiktiraf sebagai golongan yang hebat dalam seni puisi. Berikut dinyatakan terjemahan ayat-ayat al-Quran yang mencabar kehebatan para sasterawan Arab yang menolak Islam.

Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri." (Surah al-Isra', 17: 88)

Allah s.w.t. turut berfirman yang maksudnya: "Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: Ia (Muhammad) yang mereka-reka al-Quran itu!. Katakanlah (wahai Muhammad): (Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah sesiapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain daripada Allah, jika betul kamu orang yang benar." (Surah Hud, 11: 13)

Begitu juga firman Allah s.w.t. bermaksud: "Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain daripada Allah, jika betul kamu orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarannya, manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang kafir." (Surah al-Baqarah, 2: 23-24)

Kehadiran Islam dilihat sebagai titik permulaan kepada perubahan kehidupan masyarakat Arab yang sebelumnya hidup pada Zaman Jahiliyah. Meskipun terdapat dalam kalangan mereka yang tidak menerima Islam, tetapi hakikatnya kedatangan Islam ke dunia mengubah tatacara kehidupan manusia seluruhnya termasuk melibatkan aktiviti kesusasteraan yang melatari kehidupan mereka. Perkara ini dapat dilihat apabila terdapat perubahan besar dalam kesusasteraan Arab pada ketika itu. Dalam keadaan Islam menerima pengungkapan seni puisi, beberapa tema dalam seni puisi Arab seperti pengisahan wanita secara keterlaluan, penghinaan dan kejian sesama insan, pemerihalan arak dan beberapa tema yang menjadi tradisi turun-temurun penyair Arab digugurkan kerana kandungannya bersalahan dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Islam (al-Tatawi, 1989: 39).

Pada masa yang sama, menurut al-Tatawi (1989: 47), beberapa tema baharu muncul kesan daripada penerimaan ajaran Islam seperti nasihat, zuhud, hikmah, pengisahan perjuangan jihad umat Islam dan sebagainya. Pemilihan perkataan yang berunsur Islam seperti *al-rasul*, *al-wahy*, *al-jannah*, *al-tawhid* dan seumpamanya yang juga sebahagian daripada perkataan-perkataan dalam al-Quran dilihat menjadi keutamaan para penyair yang menerima Islam sebagai agama (al-Tatawi, 1989: 25; al-Shanti, 2005: 264). Selain itu, wujud pula kelompok penyair yang digelar *sha'ir al-Rasul* (penyair Rasul) yang mengungkap puisi memuji Rasulullah s.a.w. dan Islam atau mempertahankan keduanya daripada celaan para penyair Jahiliyah. Menurut Osman (1999: 159), nama-nama penyair seperti Hassan bin Thabit, Ka'b bin Malik dan 'Abdullah bin Rawahah adalah antara golongan penyair Arab yang bangkit

menggunakan puisi untuk mempertahankan Islam. Hal ini turut dinyatakan oleh Shawqi (t.th.: 47) yang menjelaskan peranan tiga orang penyair tersebut dalam mempertahankan Islam menggunakan puisi mereka. Semua ini merupakan bukti jelas berlakunya perubahan dalam kesusasteraan Arab era kepimpinan Rasulullah s.a.w. yang mengaitkannya dengan Islam secara langsung.

Sebenarnya kedatangan Islam turut memperjuangkan kedudukan penyair (pemuisi) yang memiliki sifat-sifat mulia dan terpuji berlandaskan acuan Islam. Hal ini dapat mengelakkan penyair daripada terus berkarya secara melampaui batasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Hal ini juga membawa pemahaman bahawa kesusasteraan juga mempunyai kedudukan tersendiri dalam Islam. Perkara ini berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang maksudnya: “Dan para penyair itu diturut oleh golongan yang sesat, tidak berketentuan hala. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)? Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya? Kecuali orang yang beriman dan beramal salih (daripada kalangan penyair itu), dan mereka pula mengingati Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya. Dan (ingatlah), orang-orang yang melakukan kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana mereka akan kembali.” (Surah al-Shu‘ara’, 26: 224-227)

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran tersebut, dapat difahami tentang pendirian Islam terhadap golongan karyawan. Islam tidak menerima perlakuan mereka secara total, dan tidak pula meminggirkan mereka secara total. Ibn ‘Abbas menyatakan bahawa ayat 224 hingga 226 daripada surah al-Shu‘ara’ ditujukan kepada golongan penyair daripada golongan musyrikin seperti ‘Abdullah bin Ziba’ri, Hubayrah bin Wahb al-Makhzumi, Abu ‘Azzah al-Jumahi dan Umayyah bin Abu Salt (al-Alusi, t.th.: 146). Mereka merupakan golongan penyair yang sesat dan menyesatkan kerana sering mendakwa bahawa puisi mereka menyamai hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Manakala ayat 227 daripada surah al-Shu‘ara’ pula merujuk kepada para penyair daripada golongan sahabat Rasulullah s.a.w. seperti Hassan bin Thabit, Ka‘b bin Malik dan ‘Abdullah bin Rawahah (Sayyid Qutb, 1971: 247).

Merujuk ayat-ayat al-Quran dalam surah al-Shu‘ara’ tersebut, dapat difahami juga bahawa isi kandungan ayat-ayat ini telah membezakan antara karyawan yang benar dan beramal, dengan karyawan yang sesat. Kedua-dua golongan ini dibezakan berdasarkan ilmu yang benar, dan kemudiannya diamalkan sebagai amalan baik (Rahmah, 2010: 72-73). Di sisi Islam dijelaskan bahawa ilmu yang benar merujuk kepada ilmu yang membawa manusia kepada mengenali Allah s.w.t. Dengan ilmu yang benar juga, manusia akan dapat membezakan antara kebenaran dengan kepalsuan. Oleh itu, sastera menurut Islam mestilah bermatlamat, dan matlamat itu ialah menyampaikan kebaikan menerusi ilmu yang benar. Inilah merupakan peranan utama para karyawan Muslim yang berkarya untuk mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah s.w.t.

Selain itu, daripada huraian ayat-ayat 224 hingga 227 surah al-Shu‘ara’, jelas membuktikan bahawa Islam menerima apa juga bentuk kesenian selagi ia tidak melanggar batas-batas yang telah ditetapkan syarak. Pelanggaran batas-batas yang dimaksudkan itu merangkumi perkara-perkara buruk dan negatif yang secara mudahnya dapat dicontohkan seperti penghinaan, caci-mencaci, membangga diri secara melampau, penipuan, khayalan yang karut, penceritaan benda terlarang seperti arak, ketaksuban dan sebagainya. Hakikatnya,

kesemua perkara buruk ini telah dijelaskan secara terperinci dalam al-Quran. Sekiranya perkara-perkara buruk seperti mana yang disebutkan itu dimuatkan dalam karya sastera, ia akan menjadikan sastera sebagai satu wadah penyebaran kesesatan kepada masyarakat serta menggalakkan perkara-perkara maksiat dan mungkar yang sudah tentu bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Maka karya sastera yang memiliki ciri-ciri seperti yang dijelaskan ini tidak mendapat tempat dalam Islam.

Berdasarkan perincian tersebut, bermula dari zaman permulaan Islam, kesusasteraan Arab terus mengalami perubahan dengan kemasukan elemen-elemen yang dikaitkan dengan Islam. Jika disoroti terhadap lima zaman Kesusasteraan Arab seperti mana yang dikelaskan oleh Shawqi (2007: 14), selepas berakhirnya Zaman Jahiliah dan bermulanya Zaman Islam, kemasukan elemen Islam dalam seni puisi dan prosa Arab terus berlaku. Sehingga sampai kepada Zaman Moden, fenomena Sastera Islam terus berada dalam cakupan Kesusasteraan Arab malah turut melibatkan kesusasteraan lain di dunia. Hal ini sejajar dengan kedatangan Islam ke seluruh pelosok dunia merentasi perbezaan bahasa dan budaya. Justeru, perkara utama yang perlu dijelaskan ialah hubung kait antara Sastera Islam dengan Kesusasteraan Arab bermula daripada kedatangan Islam menerusi penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah s.a.w.

Penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah s.a.w. di Mekah yang terletak di Semenanjung Tanah Arab dengan menggunakan bahasa Arab menjadikan punca berlakunya proses Islamisasi kesusasteraan bermula dengan Kesusasteraan Arab. Oleh itu, dapat difahami bahawa Sastera Islam sememangnya mempunyai perkaitan rapat dengan Kesusasteraan Arab. Namun hal ini tidak membawa makna bahawa Sastera Islam itu hanya berada dalam lingkungan Kesusasteraan Arab sahaja. Perkara ini dapat difahami dengan mudah sekiranya pemahaman terhadap Islam yang bersumberkan al-Quran dan hadis dalam bahasa Arab namun keduanya tidak sesekali hanya milik eksklusif masyarakat berbangsa Arab.

Islamisasi kesusasteraan tidak terhenti dalam ruang lingkup sastera pada era Rasulullah s.a.w. sahaja. Kemunculan semula Sastera Islam sebagai satu gagasan atau konsep yang perlu diterapkan dalam kesusasteraan telah berlaku yang bertitik-tolak daripada kesedaran umat Islam terhadap agama Islam. Kebangkitan gerakan Islam untuk membawa umat Islam agar berpegang teguh kepada ajaran Islam turut melibatkan kesusasteraan. Antara lain, keadaan tersebut berpunca daripada kegiatan menyebarkan agama Kristian di negara-negara Islam disebabkan penaklukan kuasa Barat. Kritzeck (1970: 13) menyatakan kejatuhan empayar Islam Uthmaniyah menyebabkan kuasa Barat menakluk banyak negara Islam seterusnya menjadi punca berlakunya penyebaran agama Kristian. Penyebaran dakyah Kristian ini turut melibatkan kesusasteraan sehingga hal ini akhirnya menjadi antara faktor kemunculan Sastera Islam era moden selepas tahun 1800-an (Kritzeck, 1970: 13). Perkara yang penting untuk difahami ialah pemerksaan Sastera Islam pada era moden dilihat sebagai satu keperluan mendesak agar usaha-usaha memisahkan sastera daripada Islam atau agenda merosakkan sastera dengan kemasukan ideologi Barat termasuk dakyah Kristianisasi yang merosakkan pegangan umat Islam dapat dibanteras.

Oleh itu, gerakan Islam di seluruh dunia dilihat mengambil inisiatif yang cukup bermakna dalam menangkis kerosakan yang berlaku termasuk dalam dunia kesusasteraan. Sastera dijadikan sebagai antara wadah untuk melakukan dakwah dengan mengaitkan sastera dengan Islam (Rosni, 2015: 71-72). Inilah yang dinyatakan oleh Ungku Maimunah (1989: 109)

tentang kebangkitan gerakan Islam yang menyumbang ke arah munculnya arus kesusasteraan berlandaskan perspektif Islam. Kebangkitan Islam ini antara lain dilihat menerusi usaha-usaha dakwah yang dilakukan bagi menyebarkan dan memperkasakan pemahaman masyarakat terhadap Islam. Sayyid Qutb dikenali sebagai individu yang bergiat aktif dalam gerakan Ikhwan al-Muslimin di Mesir dikatakan antara orang yang terlibat dengan usaha mengembalikan sastera kepada Islam sekitar tahun 1950-an (Rahmah, 2003: 11-12). Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Mesir, sebaliknya boleh dikira sebagai satu fenomena global. Sebagai contoh, kemunculan perbahasan tentang Sastera Islam di Malaysia turut disebabkan faktor kemunculan gerakan dakwah Islamiah sekitar awal 1970-an (Ungku Maimunah, 1989: 289).

Malah menurut Shushtery (1966: 80-109), kemunculan semula Sastera Islam pada era moden melibatkan umat Islam secara meluas mencakupi karyawan Islam yang berada di luar rantau Islam. Ini menunjukkan kepentingan memperkasakan Sastera Islam tidak hanya berlaku di negara-negara Arab sahaja sebaliknya melibatkan seluruh dunia Islam. Hal ini lebih-lebih lagi apabila dunia kesusasteraan menerima kemasukan pelbagai teori Barat yang bercanggah dengan Islam. Pelbagai teori dalam dunia Kesusasteraan Barat telah muncul malah mempengaruhi kesusasteraan global seperti Strukturalisme, Pascastrukturalisme, Pascakolonialisme, Pascamodenisme dan sebagainya sekitar dekad 1980-an sehingga tempoh tersebut dikenali sebagai “detik teori” Barat (Barry, 1995: 1). Ungku Maimunah (2010: 275) menyatakan kemunculan semua teori sastera dan kritikan Barat ini menyerlahkan kecenderungan untuk menolak kemutlakan dan autoriti termasuk ketidakpercayaan kepada Tuhan. Dalam konteks inilah, kemasukan teori-teori Barat dalam kesusasteraan melibatkan dunia Islam membawa impak yang sangat merbahaya kerana semuanya menolak kewujudan dan kekuasaan Allah s.w.t. Justeru, seruan agar umat Islam memperkasakan pemahaman agama dalam kesusasteraan menerusi gagasan Sastera Islam dilihat sebagai satu usaha yang sangat penting.

Tidak dapat dinafikan bahawa dunia Arab merasai kehangatan kemunculan Sastera Islam lebih awal berbanding tempat lain. Kebenaran hal ini lebih-lebih lagi dapat difahami apabila kemunculan semula perbahasan tentang Sastera Islam era moden turut lebih awal berlaku dalam Kesusasteraan Arab. Hal ini tidak menghairankan kerana Sastera Islam sememangnya muncul seiring dengan kedatangan Islam sehingga memberi kesan terhadap Kesusasteraan Arab pada ketika itu. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa wujud peranan pihak yang berada di luar kelompok wilayah Arab sekitar Timur Tengah dalam mengetengah serta kemudiannya memperkasa gagasan Sastera Islam. Sepertimana yang telah dinyatakan bahawa isu melibatkan keperluan mengetengahkan Sastera Islam termasuk dalam perkara yang bersifat global. Keadaan ini semestinya berkait rapat dengan status Islam sebagai sebuah agama universal dan tidak hanya eksklusif bagi masyarakat Arab sahaja. Di sinilah terserlahnya peranan dan sumbangan al-Nadwi iaitu seorang tokoh dari India yang giat memperjuangkan gagasan Sastera Islam sehingga namanya tidak dapat dipisahkan daripada gagasan tersebut.

Usaha al-Nadwi Memperkasa Sastera Islam

Perbincangan tentang Sastera Islam tidak hanya berbentuk eksklusif untuk Kesusasteraan Arab sahaja, malah ia sebenarnya bersifat universal kerana Islam sendiri adalah agama yang bercirikan universal. Berdasarkan penglibatan al-Nadwi yang sangat aktif dalam menegenahkan dan memperkasa gagasan Sastera Islam, maka kajian berkaitan ketokohnya dilihat dapat memberi nilai tambah dalam skop kajian bidang kesusasteraan. Perhatian khusus yang diberikan oleh al-Nadwi dalam bidang kesusasteraan boleh dilihat berdasarkan sumbangan yang dilakukannya. Kecenderungan al-Nadwi terhadap bidang kesusasteraan dapat dilihat seawal proses pembesarannya yang tidak pernah dipisahkan daripada karya-karya besar bidang kesusasteraan. Usahanya untuk menguasai bahasa Arab juga membuatkan dirinya tidak boleh dipisahkan dengan kesusasteraan terutama kesusasteraan Arab.

Sebenarnya kefahaman al-Nadwi tentang kedudukan kesusasteraan yang merupakan sebahagian daripada cabang pendidikan juga menjadi antara punca perhatiannya terhadap kesusasteraan tidak pernah berkurangan. Mohd. Kamal (1996) menyebut bahawa seni dan sastera yang dihasilkan berdasarkan perspektif ilmu adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam kerana ia merupakan satu pengiktirafan manusia terhadap nilai yang baik, murni dan diredai oleh Allah s.w.t. Pemahaman ini wujud berdasarkan kepentingan ilmu yang digariskan dalam nas-nas agama. Ilmu yang benar akan mendorong manusia melakukan ketaatan kepada Allah s.w.t. Justeru, kesusasteraan yang dikaitkan dengan ilmu akan membawa satu kesepaduan untuk kebaikan manusia. Walau bagaimanapun, menurut Mohd Kamal (1996), pelbagai aliran falsafah Barat seperti Idealisme, Ateisme, Romantisme, Humanisme, Realisme Sosialis, Eksistensialisme, Dadaisme dan sebagainya meresapi karya-karya besar dalam sejarah sastera Barat serta turut mempengaruhi perkembangan seni dan sastera moden dalam dunia Islam.

Haddad (1991: 11) menyatakan bahawa antara punca yang membangkitkan perubahan dalam bidang kesusasteraan khususnya melibatkan Islam ialah apabila masyarakat Islam menyedari keperluan pembebasan daripada kuasa dan ideologi Barat. Hal ini kemudiannya dikaitkan dengan usaha mengislamisasikan ilmu agar umat Islam kembali menghargai dan memanfaatkan khazanah ilmu berteraskan Islam. Inilah antara perkara yang diketengahkan oleh al-Nadwi bagi memastikan pendidikan termasuk menerusi wadah sastera yang diberikan kepada anak-anak orang Islam mestilah berteraskan Islam. Sebenarnya al-Nadwi (1977: 23-29) telah mengkritik usaha Barat yang menjadikan pendidikan sebagai alat yang boleh merosakkan bukan sahaja pemikiran umat Islam tetapi juga pegangan agama. Justeru, dapat dilihat bahawa usaha al-Nadwi mengembalikan pendidikan berteraskan Islam adalah satu usaha yang bersifat komprehensif kerana turut melibatkan bidang kesusasteraan.

Pegangan al-Nadwi yang sangat jelas tentang kepentingan kesusasteraan sebagai salah satu cabang ilmu dilihat sebagai antara asas utama pengemblengan fikiran dan usahanya dalam memartabatkan Sastera Islam. Justeru, bagi melihat sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan Sastera Islam, perbincangan akan memberi fokus kepada dua perkara. Pertama ialah melihat sumbangan al-Nadwi menerusi usahanya secara persendirian dalam hal berkaitan Sastera Islam. Manakala perkara kedua melibatkan usaha al-Nadwi secara kolektif bersama para sarjana Islam lain menerusi penglibatannya dalam *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah*.

Pertama: Sumbangan secara persendirian

Al-Nadwi dikenali sebagai seorang tokoh yang turut berdakwah dengan penanya. Ini dibuktikan dengan penghasilan sejumlah besar karya dalam bentuk buku, makalah dan kertas ucapan dengan jumlah kira-kira 200 buah dalam bahasa Arab dan 300 dalam bahasa Urdu (Syed Muhammad Rabey, 2014: 219). Manakala menurut al-Zubayri (1419H) secara spesifik, buku karya al-Nadwi yang ditulis dalam bahasa Arab berjumlah 170 buah atau 176 buah sepertimana menurut catatan al-Qaradawi (2001). Bukan sekadar penghasilan karya-karya yang banyak jumlahnya, malah karya-karya tersebut telah diulang cetak beberapa kali serta diterjemah ke dalam bahasa-bahasa utama dunia. Semua ini membuktikan kehebatan usaha al-Nadwi dalam menyebarkan dakwah menerusi penghasilan karya bukan sahaja sebagai bacaan masyarakat pada zamannya namun untuk generasi seterusnya.

Dengan meneliti karya-karya al-Nadwi, hatta melihat kepada judul-judulnya sahaja pun ia telah memberi gambaran tentang pemikirannya yang amat mementingkan pendidikan. Siddiq Fadzil (2000: 131) menyebut bahawa al-Nadwi adalah seorang individu yang memiliki ciri-ciri keunggulan yang antara lain menggabungkan keilmuan dengan ketakwaan. Justeru, dapat dilihat usaha dakwah al-Nadwi tidak pernah tersasar daripada perjuangan mengembalikan masyarakat kepada tradisi ilmu yang dikaitkan dengan Islam secara tuntas. Semua aspek yang berkaitan dengan tradisi ilmu Islam diketengahkan oleh al-Nadwi dalam siri kuliah dan karyanya. Ini termasuk dalam aspek kesusasteraan yang sebenarnya turut diberi penekanan oleh Islam.

Penghasilan karya-karya yang menyentuh perihal kesusasteraan adalah antara sumbangan besar al-Nadwi dalam bidang ini. Karya *Nazarat fi al-Adab, Mukhtarat min adab al-'Arab dan Rawa'i Iqbal* adalah antara karya al-Nadwi yang menunjukkan perhatiannya yang cukup mendalam terhadap bidang kesusasteraan. Menurut 'Abd al-Basit (1421H: 41), perbincangan yang diketengahkan oleh al-Nadwi dalam bukunya *Nazarat fi al-Adab* merupakan inti pati asas dan penting terhadap isu-isu yang melatari gagasan Sastera Islam. Justeru, buku tersebut dilihat sebagai antara karya penting yang merungkai asas perjuangannya memperkasa Sastera Islam.

Selain itu, fokus al-Nadwi terhadap *al-sirah al-nabawiyah* yang dipegangnya sebagai antara sumber utama *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) membuktikan usahanya yang berbentuk praktikal. Al-Nadwi telah membuktikan bahawa gesaannya agar umat Islam kembali memberi fokus utama terhadap Sastera Tulen dimulai dengan usaha oleh dirinya sendiri. Istilah *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) boleh ditemui perinciannya dalam buku al-Nadwi yang dinyatakan sebelum ini iaitu *Nazarat fi al-Adab*. Al-Nadwi (1997: 22) membahaskan dua jenis istilah yang dikaitkan dengan *al-adab* iaitu *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) dan *al-Adab al-Sina'i* (Sastera Rekaan). Menurut al-Nadwi (1997), *al-Adab al-Tabi'i* tidak mendapat perhatian serius oleh para karyawan Muslim sedangkan ia merupakan jenis sastera yang lebih lama berbanding *al-Adab al-Sina'i*. *Al-Adab al-Tabi'i* adalah antara tradisi kesusasteraan yang bertunjangkan Islam dengan menjadikan *al-hadith al-nabawi* dan *al-sirah al-nabawiyah* sebagai sumber sastera (al-Nadwi, 1997: 22).

Bagi menjelaskan perihal sumber sastera yang dikaitkan dengan *al-Adab al-Tabi'i*, al-Nadwi juga mengetengahkan istilah Sastera Profetik atau *al-Adab al-Nabawi* (al-Ghawri, 2009: 83). Fokus yang ditekankan oleh al-Nadwi menerusi istilah tersebut ialah keperluan meneliti,

memahami serta mengambil manfaat daripada untaian hadis-hadis Rasulullah s.a.w. serta doa-doa yang datang daripadanya. Inilah contoh Sastera Tulen yang diperlukan oleh umat Islam. Ia bukan sesuatu yang direka-reka oleh manusia, sebaliknya bersumberkan wahyu daripada Allah s.w.t. Menurut al-Ghawri (2009: 83), inilah antara khazanah ilmu Islam yang dipersembahkan dalam dimensi baharu oleh al-Nadwi. Ia dipromosikan oleh al-Nadwi dalam karya dan ucapannya sekaligus mencerminkan sebahagian daripada sumbangannya dalam mencorak gagasan Sastera Islam.

Selain itu, al-Nadwi turut memberi fokus terhadap sumber sejarah (*al-tarikh*) termasuk sejarah berkaitan kehidupan Rasulullah s.a.w. dan para rasul yang lain (*al-sirah al-nabawiyah*). Nasim (2012) membuat kesimpulan bahawa *al-sirah al-nabawiyah* dilihat oleh al-Nadwi sebagai satu sumber yang dapat menyelesaikan banyak permasalahan manusia pada zaman ini. Inilah juga yang dikelaskan sebagai Sastera Tulen. Oleh itu, penekanan yang diberikan oleh al-Nadwi terhadap *al-sirah al-nabawiyah* secara tidak langsung dilihat sebagai salah satu sumbangannya dalam bidang kesusasteraan.

Lanjutan daripada pencerahan yang dibuat oleh al-Nadwi tentang kepentingan *al-sirah al-nabawiyah* sebagai salah satu sumber penting dalam kesusasteraan, usaha al-Nadwi dalam perkara ini juga dilihat sebagai satu bentuk usaha yang komprehensif. Penghasilan karya al-Nadwi tentang *al-sirah al-nabawiyah* bukan sahaja melibatkan bacaan bagi golongan dewasa tetapi juga kanak-kanak. Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, kesusasteraan adalah satu cabang daripada pendidikan, dan ia sekali gus tidak boleh dipisahkan daripada kanak-kanak. Penghasilan karya berorientasikan kesusasteraan khusus untuk kanak-kanak telah menyerlahkan sumbangan al-Nadwi dalam bidang ini. Al-Nadwi telah menghasilkan karya-karya sastera khusus untuk bacaan kanak-kanak seperti *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak).

Menerusi penghasilan karya khusus untuk kanak-kanak, al-Nadwi dilihat amat konsisten dengan perjuangannya memperkasakan Sastera Islam. Golongan kanak-kanak tidak dipinggirkan oleh al-Nadwi dalam usaha mendidik kanak-kanak agar membaca karya berkaitan para rasul dan *salaf as-salih* untuk dijadikan contoh dan ikutan. Al-Nadwi juga dilihat konsisten dalam usaha memperjuang kesinambungan gagasan Sastera Islam menerusi karya-karya untuk kanak-kanak (*adab al-atal*) apabila karya beliau berjudul *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) diterbitkan seawal tahun 1946 dengan terdiri daripada empat jilid. Dalam tempoh 30 tahun selepas itu iaitu pada tahun 1976, terbit pula karya al-Nadwi berjudul *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak). Karya tersebut asalnya merupakan sambungan daripada karya *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal*, sebelum kemudiannya diterbitkan semula sebagai edisi berasingan. Pada tahun 1991 iaitu 15 tahun selepas terbitnya *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal*, al-Nadwi menghasilkan sebuah lagi karya berjudul *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak). Usaha besar inilah yang menzahirkan betapa konsistennya al-Nadwi dalam perjuangannya secara peribadi memartabatkan Sastera Islam dengan fokus diberikan kepada golongan kanak-kanak.

Selain genre sastera untuk kanak-kanak, al-Nadwi juga dilihat berusaha menjadikan gagasan Sastera Islam sebagai satu idea praktikal apabila beliau turut memberi fokus terhadap

karya sastra genre sastra kembara (*adab al-rihlat*) dan autobiografi (*al-sirah al-zatiyah*). Al-Nadwi yang telah menjejakkan kakinya ke seantero dunia dalam usaha dakwahnya dilihat mengabadikan pengalaman dan usahanya menerusi penghasilan karya genre sastra kembara. Selain itu, penghasilan karya jenis autobiografi oleh al-Nadwi pula dilihat sebagai satu bentuk usaha perkongsian tentang kehidupannya menimba ilmu serta usaha dakwah yang dilakukannya. Antara karya al-Nadwi melibatkan sastra kembara berjudul *Muzakkirat Sa'ih fi al-Sharq, Al-Tqriq ila al-Madinah*, dan *Fi al-Maghrib al-Aqsa*. Manakala karya al-Nadwi berkaitan autobiografi berjudul *Fi Masirah al-Hayah* yang terdiri daripada lima jilid. Perkara penting yang dapat difahami daripada usaha al-Nadwi memberi fokus terhadap sastra kanak-kanak, sastra kembara dan autobiografi ialah hasratnya agar semua usaha tersebut diteruskan oleh para penulis lain. Hal ini dijelaskan oleh al-Nadwi antara lain dalam mukadimah karyanya *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal*. Al-Nadwi menyandarkan harapan agar usaha yang dilakukannya dapat diteruskan oleh para penulis lain memandangkan ketiga-tiga genre sastra tersebut sesuai untuk dijadikan sebagai antara wadah dalam memperkasakan Sastra Islam.

Kedua: Sumbangan secara kolektif

Selain usaha al-Nadwi menghasilkan karya-karya sastra yang bermutu, beliau dilihat turut terlibat secara aktif memperjuangkan gagasan Sastra Islam secara berjemaah. Malah usaha al-Nadwi dalam hal ini dilihat lebih terkehadapan berbanding para sarjana lain yang hidup sezaman dengannya. Usaha al-Nadwi secara kolektif bersama para sarjana lain tidak dapat dipisahkan dengan sebuah badan rasmi bagi Sastra Islam yang dikenali sebagai *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* (Bin 'Isa, 1998: 101).

Al-Nadwi telah dipilih untuk mengetuai *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* pada peringkat awal penubuhannya sebagai pengerusi yang pertama. Ini merupakan satu pengiktirafan besar terhadap usaha yang dilakukan oleh al-Nadwi dalam perjuangannya memperkenalkan dan memantapkan gagasan Sastra Islam merentasi sempadan negara dan bangsa. Sepertimana yang dinyatakan oleh 'Abd al-Basit (1421H: 39-40), pemilihan al-Nadwi dibuat selepas para sarjana yang membincangkan idea penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* mencari tokoh yang benar-benar layak serta mampu membawa idea Sastra Islam dengan memiliki kriteria "Islam", "sastra" dan "global". Dua orang sarjana yang menganggotai *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* telah ditugaskan untuk menemui al-Nadwi ketika beliau berada di Mekah bagi menghadiri persidangan anjuran *Rabitah al-'Alam al-Islami* pada tahun 1404H. Tujuan pertemuan tersebut adalah untuk meminta persetujuan sendiri daripada al-Nadwi untuk dilantik sebagai pengerusi pertama *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah*. Akhirnya al-Nadwi bersetuju dengan pencalonan tersebut dan mencadangkan agar urusan pendaftaran rasmi dibuat dengan pejabat utama *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* berada di India.

Pelantikan al-Nadwi sebagai pengerusi pertama sekaligus sebagai pengerusi pengasas kepada *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* telah dibuat berdasarkan asas yang cukup kukuh. Asas ini dilihat berdasarkan usaha yang dilakukan sendiri oleh al-Nadwi sebelum penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* secara rasmi lagi. 'Abd al-Basit (1421H: 41: 38) mencatatkan bahawa al-Nadwi adalah individu yang berusaha menganjurkan seminar pertama peringkat antarabangsa berkaitan Sastra Islam di Nadwatul 'Ulama, Lucknow, India

pada tahun 1401H bersamaan 1981. Resolusi seminar antara lain menggariskan keperluan untuk subjek berkenaan Sastera Islam diajar di pusat pengajian tinggi Islam. Selain itu, usaha penubuhan sebuah institusi berkenaan Sastera Islam juga menjadi antara agenda para sarjana yang menghadiri seminar pertama di Nadwatul ‘Ulama. Beberapa siri seminar tentang Sastera Islam kemudiannya terus diadakan sebagai lanjutan daripada seminar pertama sehingga akhirnya perbincangan membawa kepada penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah*. Usaha besar ini berjaya direalisasikan setelah lima tahun berlangsungnya seminar pertama tentang Sastera Islam di Nadwatul ‘Ulama. Tempoh lima tahun bukanlah satu tempoh yang pendek dan ini menunjukkan usaha yang dilakukan oleh al-Nadwi dan para sarjana lain dalam usaha menubuhkan *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah* merupakan jasa yang amat besar.

Penglibatan al-Nadwi secara aktif dalam *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah* selama kira-kira 15 tahun sebagai pengerusi menjadikannya sebagai individu yang bergiat aktif menerusi siri persidangan yang berlangsung (al-Ghawri, 2009: 40). Semua siri persidangan awal yang membincangkan perihal Sastera Islam merupakan pencetus kepada perbincangan yang lebih serius tentang Sastera Islam oleh para ilmuwan Islam bermula pada era 1980-an tersebut. Sumbangan al-Nadwi dalam menyemarakkan perbincangan tentang Sastera Islam termasuk sebagai sumbangan besarnya dalam bidang kesusasteraan yang bukan hanya berlegar sekadar cadangan secara teori semata-mata, tetapi ia diterjemahkan dalam bentuk praktikal dengan tertubuhnya *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah*. Penglibatan al-Nadwi dalam *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah* tidak terhenti semasa tempoh penubuhannya sahaja, malah menurut ‘Abd al-Basit (1421H: 41: 39), al-Nadwi terlibat secara aktif menyertai sebanyak kira-kira 21 persidangan dan seminar melibatkan inisiatifnya sama ada sebagai penaung, pengerusi mahupun peserta.

Dalam usaha memperkukuhkan *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah* khususnya pada awal penubuhannya, antara perkara yang perlu diwacanakan agar ia difahami oleh masyarakat ialah tentang takrifan Sastera Islam. Dalam hal ini, peranan al-Nadwi dilihat amat menyerlah sepertimana yang dinyatakan oleh ‘Abd al-Quddus (1421: 158) bahawa al-Nadwi adalah individu pertama yang menyeru para sarjana membahaskan gagasan Sastera Islam. Hal ini dibuktikan apabila beliau telah menerbitkan sebuah makalah bertajuk “Al-Hajah ila Isti‘rad Jadid li Maktabat al-Adab al-‘Arabi”. Makalah ini telah diterbitkan dalam *Majallah Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyah bi Dimashq*, edisi ke-32, jilid keempat, terbitan tahun 1957. Saranan al-Nadwi berkenaan keperluan untuk memperkenalkan Sastera Islam dan gesaan untuk memberi perhatian terhadap idea tersebut dinyatakan dalam makalahnya.

Usaha gigih al-Nadwi dalam mengetengahkan idea Sastera Islam sehingga menjadi sebuah gagasan yang jelas telah menjadikannya sebagai individu yang pertama membincangkan takrifan Sastera Islam serta menjelaskan isu-isu berkaitan istilah tersebut serta kemudiannya terlibat secara langsung dalam penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah* (‘Abd al-Quddus, 1421H: 158). Fakta ini turut dinyatakan oleh Sa‘d Abu al-Rida (1983: 36) bahawa al-Nadwi adalah sarjana pertama yang meneroka gagasan Sastera Islam pada eranya. Usaha al-Nadwi tersebut turut mendapat perhatian serius para sarjana Islam lain seperti Hassan al-Banna, Sayyid al-Qutb, Muhammad al-Qutb dan Najib al-Kilani (Bin ‘Isa, 1998: 100).

Tidak dapat dinafikan bahawa usaha yang dilakukan oleh al-Nadwi dalam mengembalikan perbincangan tentang gagasan Sastera Islam menyebabkan kemunculannya

berlaku secara lebih agresif sehingga tertubuhnya *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah*. Sememangnya kehadiran Islam sebagai agama bagi umat Islam membuatkan kesusasteraan dapat dikaitkan dengan Islam termasuk melalui penghasilan karya-karya Islamik oleh karyawan Muslim. Walau bagaimanapun, sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, wacana tentang Sastera Islam era moden muncul kembali seiring dengan kemunculan gerakan Islam adalah merujuk kepada revolusi besar-besaran yang berlaku bagi memastikan sastera untuk umat Islam tidak dicemari dengan sebarang ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kemuncak kepada semua usaha mewacanakan semula Sastera Islam era moden berlaku apabila *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* dirasmikan penubuhannya pada tahun 1986. Hal ini menunjukkan wacana Sastera Islam era moden akhirnya dapat diinstitusikan dan ia membuktikan kepentingan Sastera Islam sebagai salah satu perkara besar dan semakin menjadi fokus perhatian umat Islam sejagat. Usaha-usaha memperkasakan gagasan Sastera Islam terus berlangsung dengan penganjuran siri persidangan yang membincangkan isu-isu berkaitan Sastera Islam. Penerbitan *Majallah al-Adab al-Islami* yang dikira sebagai lidah rasmi *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* turut merencanakan wacana berkenaan Sastera Islam yang melibatkan para sarjana Muslim dalam bidang kesusasteraan. Penerbitan majalah tersebut yang berterusan sehingga masa kini menunjukkan usaha memperkasakan Sastera Islam terus berlangsung secara konsisten melebihi tiga dekad lamanya.

Meneliti proses perkembangan gagasan Sastera Islam, sumbangan individu bernama al-Nadwi tidak dapat disembunyi mahupun dikesampingkan. Penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* serta wacana-wacana berkaitan Sastera Islam yang bermula era 1980-an sehingga ke saat ini merupakan antara sumbangan terbesar al-Nadwi bersama para sarjana yang bersamanya. Nama al-Nadwi akhirnya dilihat tidak asing dalam perbincangan mengenai Sastera Islam iaitu satu istilah yang pernah menjadi perdebatan hangat dalam kalangan sarjana Islam. Isu ini bukan sahaja menjadi satu fenomena dalam kalangan masyarakat Arab malah para pengkaji Barat turut menyedari perkembangan tersebut dan mengaitkannya sebagai kebangkitan Islam dalam bidang kesusasteraan. Satu lagi perkara yang menjelaskan sumbangan pemikiran besar al-Nadwi adalah apabila takrifan Sastera Islam yang diiktiraf dan diguna pakai oleh *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* menggariskan elemen-elemen yang diketengahkan oleh al-Nadwi dengan beberapa penyesuaian.

Sebenarnya perjuangan al-Nadwi dalam memperkasakan Sastera Islam dapat dilihat sebagai usaha yang sangat signifikan dan relevan melangkaui zamannya. Justeru sehingga kini, *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* terus aktif mempromosikan gagasan Sastera Islam dengan menangani isu-isu kesusasteraan kontemporari. Ia bukti jelas menunjukkan idea pemikiran al-Nadwi yang menyentuh hal kesusasteraan merupakan perkara penting yang keperluannya merentasi sempadan zaman. Seorang sarjana atau ilmuwan yang hebat tidak hanya mampu menyelesaikan masalah yang berlaku sekitar zamannya sahaja sebaliknya idea pemikirannya turut relevan pada masa depan.

Kesimpulan

Sastera Islam adalah satu gagasan jelas yang membawa perubahan dalam dunia kesusasteraan. Perubahan yang dimaksudkan merujuk kepada pengembalian sastera sebagai bidang yang tidak boleh dipisahkan dengan Islam. Umat Islam tidak boleh dipersembahkan dengan karya sastera yang mengandungi perkara bertentangan dengan ajaran Islam termasuk ideologi-ideologi Barat yang merosakkan minda umat. Hal ini lebih-lebih lagi apabila sastera merupakan antara wadah pendidikan yang dapat menyalurkan ilmu kepada manusia. Oleh itu, al-Nadwi berusaha memperkasakan pendidikan berteraskan Islam dengan memanfaatkan bidang kesusasteraan sebagai antara wadah untuk menerapkan ilmu Islam. Usaha yang dilakukan oleh al-Nadwi dalam menghasilkan karya-karya yang menepati aspirasi Sastera Islam dilihat sebagai antara sumbangan dirinya terhadap pemeraksanaan Sastera Islam. Ini dapat dilihat menerusi fokus yang diberikan oleh al-Nadwi terhadap genre sastera seperti sastera kanak-kanak (*adab al-atfal*), sastera kembara (*adab al-rihlat*) dan autobiografi (*al-sirah al-zatiyah*). Selain itu, komitmen berterusan yang diberikan oleh al-Nadwi terhadap *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* membuktikan beliau telah menggembelng tenaga secara kolektif bersama para sarjana lain dalam usaha memartabatkan gagasan Sastera Islam. Kesemua usaha yang dilakukan oleh al-Nadwi sama ada secara perseorangan mahupun berkumpulan merupakan rangkuman sumbangan beliau yang amat besar dalam proses pemeraksanaan Sastera Islam. Banyak lagi kajian perlu dilakukan bagi mengupas usaha yang telah dilakukan oleh al-Nadwi bagi memperoleh manfaat daripadanya selain dapat menjadi pemangkin kepada usaha yang sepertinya diteruskan oleh para pengkaji dan pendukung Sastera Islam.

Rujukan

- 'Abd al-Basit Badr. 1421H. Juhud Abi al-Hasan fi khidmah al-Adab al-Islami. *Majallah al-Adab al-Islami*, 7(26-27), 38-42.
- 'Abd al-Mun'im Khafaji. t.th. *al-Qasidah al-'Arabiyyah bayn al-tatawwur wa al-tajdid*. Beirut: Dar al-Jil.
- 'Abd al-Quddus Abu Salih. 1421H. al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi wa Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah. *Majallah al-Adab al-Islami*, 7(26-27), 157-161.
- Abdul Kader Choughley. 2012. *Sayyid Abul Hasan 'Ali Nadwi: Life and works*. New Delhi: D.K. Printworld (P) Ltd.
- Ahmad Fahmi Zamzam. 2000a. Abu al-Hasan 'Ali al-Hasani an-Nadwi: Keperibadian, sejarah hidup dan perjuangan, *Jurnal Usuluddin*, 11(1), 79-92.
- Ahmad Fahmi Zamzam. 2000b. *Abul Hasan Ali al-Hasani an-Nadwi: Sejarah hidup dan pemikirannya*. Kedah: Khazanah Banjariah.
- al-Alusi, Shihab al-Din Mahmud Shukri. t.th. *Ruh al-ma'ani fi tafsir al-Qur'an wa al-Sab' al-Mathani*. al-Mujallad al-tasi' 'ashar. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Azhari, 'Abd al-Salam Sa'id. 2000. *al-Imam Abu al-Hasan al-Nadwi wa manhajuh fi al-fikr wa al-da'wah wa al-islam*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Barry, P. 1995. *Beginning theory: An introduction to literary and cultural theory*. Manchester: Manchester University Press.

- Bin 'Isa Battahir. 1998. al-Adab al-Islami wa naqduh 'ind al-Shaykh Abu al-Hasan 'al-Nadwi. *Majallah Islamiyah al-Ma'rifah*, 12, 99-131.
- al-Ghawri, Sayyid 'Abd al-Majid. 2009. *al-'Allamah Abu al-Hasan al-Nadwi: Ra'id al-Adab al-Islami*. Beirut: Dar Ibn Kathir li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Ghawri, Sayyid 'Abd al-Majid. 1426H. *Abu al-Hasan al-Nadwi: al-Imam, al-mufakkir, al-da'iyah al-murabbi, al-adib*. al-Tab'ah al-thalithah. Beirut: Dar Ibn Kathir li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Haddad, Y.Y. 1991. The revivalist literature and the literature on revival. In. Yvonne Yazbeck Haddad, John Obert Voll & John L. Esposito (eds). *The contemporary Islamic revival*. New York: Greenwood, 3-21.
- Kritzcek, J. 1970. *Moderns Islamic literature from 1800 to the present*. Hong Kong: Penguin.
- Mohamad Akram Nadwi. 2013. *Shaykh 'Abu al-Hasan 'Ali Nadwi: His life and works*. West Yorkshire: Nadwi Foundation.
- Mohamad Baderudin Ahmad. 2000. Karya-karya Shaikh Abu al-Hasan al-Nadwi: Satu penilaian, *Jurnal Usuluddin*, 11(1), 93-100.
- Mohd. Kamal Hassan. 1996. *Seni, sastera dan agama: Satu kesepaduan*. Prosiding Simposium Serantau Sastera Islam. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. 90-106.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2016. *Biografi Agung: Abu al-Hasan Ali al-Nadwi*. Shah Alam: Karya Bestari.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi. 1957. al-Hajah ila ist'rad jadid li maktabat al-Adab al-'Arabi, *Majallah Majma' al-Lughah al-'Arabiyah bi Dimashq*, 32(4), 633-646.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi. 1977. *al-Tarbiyah al-Islamiyah al-hurrah*. al-Tab'ah a-thaniyah. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi. 1987. *Fi Masirah al-Hayah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Nasim Akhtar al-Nadwi. 2012. al-Sirah al-nabawiyah li Abi al-Hasan 'Ali al-Nadwi: Dirasah tahliliyah, *Majallah al-'Asimah*, 4, 99-101.
- Osman Khalid. 1999. *Kesusasteraan Arab zaman permulaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2001. *al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi kama 'araftuh*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Rahmah Ahmad Osman. 2003. *Islam and literature: An analysis the discussions in the Middle East and Malaysia*. Tesis Ph.D. School of Oriental and African Studies, University of London.
- Rahmah Ahmad Osman. 2010. Sejarah tradisi sastera Arab dan Islam: fokus kepada sastera sebagai sumber ilmu. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.). *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: Teori dan praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 19-82.
- Rosni Samah. 2015. Pemikiran sastera Islam dalam perkembangan sastera Arab Moden. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 71-78.
- Sa'd Abu al-Rida. 1983. *al-Adab al-Islami: Qadiyah wa al-bina'*. Jeddah: 'Alam al-Ma'rifah.
- Sayyid Qutb. 1971. *Fi zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- Shafiq Ahmad Khan al-Nadwi. 2015. Abu al-Hasan 'Ali al-Hasani al-Nadwi: 'Amid al-adab al-Islami. *Thaqafah al-Hind*, 66(1), 1-18.

- al-Shanti, Muhammad Salih. 2005. *Fi al-Adab al-'Arabi al-qadim: 'Asruh, wa ittijahatuh, wa tatawwuruh, wa namazij madrusah minh.* al-Mujallad al-awwal. al-Tab'ah al-rabi'ah. Ha'il: Dar al-Andalus li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Shawqi Dayf. 2007. *Tarikh al-adab al-Arabi: al-'Asr al-Jahili.* al-Tab'ah al-sabi'ah wa al-'ishrun. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Shawqi Dayf. t.th. *Tarikh al-adab al-Arabi: al-'Asr al-Islami.* al-Tab'ah al-sabi'ah wa 'asharah. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Shushtery, A.M.A. 1966. *Outlines of Islamic culture: Historical and cultural aspects.* Lehere: SH Muhammad Ashraf.
- Siddiq Fadzil. 2000. al-Sayyid Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi: Tema-tema besar pemikirannya, *Jurnal Usuluddin*, 11(1), 131-140.
- Syed Muhammad Rabey Hasani Nadwi. 2014. *Syed Abul Hasan 'Ali Nadwi: An eminent scholar, thinker and reformer.* (Terj.) Mohammed Moidul Haque. New Delhi: D.K. Printworld (P) Ltd.
- al-Tantawi, 'Ali. 1987. Taqdim al-kitab. Fi. al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali. *Fi masirah al-hayah.* Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Tatawi, 'Abdullah. 1989. *Ab 'ad al-mu'aththir al-Islami fi al-qasidah al-'Arabiyah.* Kaherah: Dar al-Thaqafah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1989. The notion of dakwah and its perceptions in Malaysia's Islamic literature of the 1970s and '80s. *Journal of Southeast Asian Studies*, 20(2), 288-297.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2010. Takrif dan pemahaman "ilmu" dalam tradisi Sastera Barat. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.). *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: Teori dan praktis.* Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 159-827.
- al-Washmi, 'Abdullah bin Salih bin Sulayman. 2005. *Juhud Abu al-Hasan al-Nadwi al-naqdiyah fi al-adab al-Islami.* Riyadh: Maktabah al-Rushd Nashirun.
- al-Zubayri, Muhammad Tariq. 1419H. *Mu'allafat Samahah al-Imam al-Da'iyah al-Shaykh Abi al-Hasan.* Lucknow: Maktabah Hira'.
- Zulkifli Mohamad. 2015. *Maulana Syeikh Abu al-Hasan Ali al-Nadwi: Da'i, muslih, alim dan rabbani.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.